

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

## MODUL PENGURUSAN JENAZAH



بسم الله الرحمن الرحيم

# SAKIT

## SURAH AL ANBIYAA'

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ۖ وَنَبْلُوكُم بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً ۖ وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ

Tiap-tiap diri akan merasai mati, dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan. **AYAT 35**

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
قَالَ مَا يُصِيبُ الْمُسْلِمَ مِنْ نَصَبٍ وَلَا وَصَبٍ وَلَا هَمٍّ وَلَا حُزْنٍ وَلَا أَذًى  
وَلَا غَمٍّ حَتَّى الشَّوْكَةِ يُشَاكُهَا إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا مِنْ خَطَايَاهُ  
[التخريج : صحيح البخاري , كتاب المرضى , باب ما جاء في كفارة المرض

, حديث رقم 5641 , عن أبي سعيد الخدري وعن أبي هريرة رضي الله عنهم]

Daripada Abu Sa'id Al Khudri dan Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kegusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahan-kesalahannya." (Hadith riwayat al-Bukhari, No : 5641, Muslim, No : 2573, at-Tirmizi, No : 966, Ahmad, No : 7684, 8070, 10714)

# ADAB-ADAB PESAKIT

- ✖ Menjaga akhlak
- ✖ Menjaga solat
- ✖ Menjauhi pertelingkahan dalam urusan dunia
- ✖ Zikir dan doa
- ✖ Taubat
- ✖ Wasiat / Nasihat
- ✖ Sabar menerima ujian
- ✖ Tidak berkeluh kesah



# ADAB-ADAB PENZIARAH

- ✖ Dalil : - Hadith Riwayat Abu Daud , Riwayat Bukhari, Muslim bermaksud : Sabda Rasulullah S.A.W. “ *Hak seorang muslim kepada seorang muslim yang lain ada 6 perkara diantaranya :*

Apabila sakit maka ziarahilah ia :

- ✖ Merperkatakan perkara yang baik sahaja
- ✖ Menggembirakan pesakit
- ✖ Memendekkan masa lawatan
- ✖ Mendoakan pesakit
- ✖ Membaca Ayat-Ayat Al-Quran
- ✖ Membawa buah tangan
- ✖ Menasihati pesakit
- ✖ Tidak menyakiti pesakit



# MATI

## Pengenalan

Apa itu MATI?

- ✗ Terputus jasad dan roh daripada badan manusia

Dalil : SURAH ALI IMRAN AYAT : 185

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّقُونَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ فَمَنْ زُحْزِحَ عَنِ النَّارِ  
وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَعُ الْغُرُورِ ﴿١٨٥﴾ ❀

- ✗ *Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya. Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya.*

وَلَنْ يُؤَخِّرَ اللَّهُ نَفْسًا إِذَا جَاءَ أَجْلُهَا وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُنَ ( ١١ )

### Surah Al-Munafiqun Ayat 11

Artinya: "Dan Allah sekali-kali tidak akan menangguhkan (kematian) seseorang apabila telah datang waktu kematiannya. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan".

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ (١٠٢)

### Surah Ali Imran 102

Artinya: "Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah sebenar-benar takwa kepada-Nya; dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan beragama Islam".

# PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN APABILA MENERIMA BERITA KEMATIAN

- Mengucapkan takziah
- Sunat membaca :

## DO'A KETIKA DITIMPA MUSIBAH


إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ  
اَللّٰهُمَّ اَجْرْنِيْ فِيْ مُصِيبَتِيْ وَاَخْلِفْ لِيْ خَيْرًا مِنْهَا

*"Sesungguhnya kami milik Allah dan kepada-Nya kami akan kembali (di hari Kiamat).  
Ya Allah! Berilah pahala kepadaku dan gantilah untukku  
dengan yang lebih baik (dari musibahku)."* (HR. Muslim 2/632)

- Bersabar dan redha dengan ketentuan Allah
- Menziarahi jenazah

# TANDA-TANDA HAMPIR MATI


- ✖ Tapak kakinya lurus
- ✖ Seluruh sendinya renggang
- ✖ Leper belakang badannya hingga rapat ke lantai (tempat pembaringan)
- ✖ Terbuka tapak tangannya
- ✖ Hidungnya tunduk
- ✖ Pelipisnya lekuk
- ✖ Jernih kulit mukanya
- ✖ Terhenti denyutan nadinya



# PERKARA-PERKARA SUNAT DILAKUKAN KETIKA HAMPR MATI (NAZAK)

- Nasihat supaya bertaubat
- Bersangka baik pada Allah
- Mentalkinkan dengan kalimah : لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
- Sunat dibacakan surah Yasin
- Hendaklah diberi minum jika diminta
- Menghadapkan muka ke arah kiblat

لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ



# PERKARA-PERKARA SUNAT SELEPAS KELUARNYA ROH

---

- ✗ Ditinggikan tempat pembaringannya
- ✗ Diletakkan ditempat yang tertutup
- ✗ Dirapatkan kedua matanya
- ✗ Ikat dagunya dengan kain yang lembut supaya tidak terbuka mulutnya
- ✗ Dilembutkan sendi-sendinya dengan minyak
- ✗ Menukar pakaiannya dan disucikan tubuh badannya.
- ✗ Qiyamkan tangan & Menutup auratnya
- ✗ Meletakkan benda sederhana berat di atas perut (mengelakkan kembung)
- ✗ Mewangikan bilik jenazah (setangi)
- ✗ Mengambil tanggungjawab hutang simati
- ✗ Melaksanakan wasiat yang tidak bercanggah dengan syariat
- ✗ Bersegera menguruskan jenazahnya kecuali atas sebab tertentu

# AMALAN KETIKA MENZIARAH JENAZAH

---

- ✕ Membaca Al-Quran/ Doa kepada simati
- ✕ Memperkatakan hal yang baik mengenai simati
- ✕ Bersangka baik kepada simati
- ✕ Membantu menguruskan jenazah
- ✕ Mengambil iktibar dan menginsafi diri

# AMALAN **YANG DILARANG** KETIKA MENZIARAH JENAZAH

- ✘ Dilarang berbual kosong dan bergelak ketawa
- ✘ Meratapi kematian dan memukul badan
- ✘ Mengadakan jamuan ketika jenazah masih belum dikebumikan
- ✘ Menjauhi perkara-perkara yang bid'ah dan khurafat

# KEWAJIPAN ORANG HIDUP TERHADAP SIMATI

---

## FARDHU KIFAYAH

- × *MEMANDIKAN*
- × *MENGKAFANKAN*
- × *MENYEMBAHYANGKAN*
- × *MENGEBUMIKAN*

# PERBELANJAAN MENGURUSKAN JENAZAH

× **HARTA SIMATI**

× **PENJAGA / WARIS SIMATI**

× **BAITULMAL**

× **PEMERINTAH**

× **MASYARAKAT SETEMPAT**

# MEMANDIKAN JENAZAH

---

## CIRI-CIRI PENGURUS KEMATIAN

- ✗ Islam
- ✗ Merdeka
- ✗ Tidak Fasik
- ✗ Bukan pembunuh simati
- ✗ Bukan musuh simati
- ✗ Orang yang jujur dan amanah

# KEUTAMAAN PEMANDI JENAZAH

---

## JENAZAH LELAKI

- ✖ Jenazah lelaki afdal dimandikan oleh kaum kerabat lelaki simati seperti anak,cucu, saudara , dan lain-lain.
- ✖ Lelaki yang bukan kaum kerabat lelaki simati seperti pemerintah, imam dan lain-lain.
- ✖ Isteri boleh memandikan jenazah suaminya .

## JENAZAH PEREMPUAN

- ✖ Jenazah perempuan afdal dimandikan oleh kaum kerabat perempuan simati seperti anak ,cucu, saudara, dan lain-lain, perempuan yang amanah atau suaminya.

# SYARAT DIWAJIBKAN MANDI JENAZAH

- ✗ *Jenazah orang Islam.*
- ✗ *Jenazah itu ada tubuh atau anggota walaupun sedikit.*
- ✗ *Bukan mati syahid.*
- ✗ *RUKUN MANDI JENAZAH* *ialah meratakan air yang suci keseluruhan jasadnya yang zahir setelah dihilangkan najis pada tubuh jenazah itu*

# PERALATAN MANDI JENAZAH

- ✕ Bilik mandi/ tempat mandi yang sesuai dan tertutup
- ✕ Air mutlak ( air bersih )
- ✕ Sabun
- ✕ Sintuk
- ✕ Kapas/ putik kapas
- ✕ Kapur barus
- ✕ Baldi dan gayung
- ✕ Sarung tangan dan apron
- ✕ Air daun bidara/ inai/ pandan(jika ada)
- ✕ Kain penutup mandi **YANG BERWARNA**
- ✕ Tuala Mandi
- ✕ Debu tayamum (jika perlu)

# CARA MEMANDIKAN JENAZAH

- ✗ Letakkan jenazah di atas tempat yang tinggi dan curam sedikit . Terlindung dari pandangan orang ramai.
- ✗ Wajib menutup aurat jenazah dan sunat menutup keseluruhan tubuhnya.
- ✗ Mulakan mandi dari sebelah kanan dari kepala hingga ke kaki. Disertai dengan membasuh anggotanya bagi menghilangkan najis atau kekotoran. Didahului dengan niat mandi. Lafaz niat mandi jenazah : ***“Sahaja Aku memandikan mayat ini kerana Allah.”***
- ✗ Hilangkan najis dengan cara menekan perut perlahan-lahan dengan tangan kiri sehingga keluar najis (jika ada).
- ✗ Bersihkan dubur dan qubul mayat dengan berlapik.
- ✗ Sunat diwudukkan si mati dengan niat: ***“Sahaja aku mengwudukkan mayat ini kerana Allah”,*** Niat wuduk bagi mayat adalah **wajib**.
- ✗ Mandikan seluruh badan mayat dengan air sabun , di ikuti air biasa, kemudian air bidara, diikuti air biasa, dan air sekali dengan air kapur barus tanpa di ikuti air biasa lagi.
- ✗ Sumbat dubur dengan kapas dan pakaikan cawat (jika perlu).
- ✗ Lap badan mayat dan tutup keseluruhan tubuh dan angkat untuk dikapankan.

# PENYEDIAAN KAPAN

---

- ✕ Kain putih : 3 lapis lelaki ;5 lapis wanita
- ✕ Tali pengikat 3 atau 5 utas
- ✕ Kapas
- ✕ Minyak wangi/ air mawar
- ✕ Serbuk cendana
- ✕ Kapur barus
- ✕ Gunting
- ✕ Tikar

# CARA MENYEDIAKAN KAIN KAPAN

- ✖ Hukum mengkapankan mayat itu wajib
- ✖ Bentang tikar
- ✖ Susun tali pengikat diujung kaki, hujung kepala, didada, pinggul dan dilutut.
- ✖ Hamparkan kain kafan dan letakkan kapas ditengah-tengahnya,dan taburkan serbuk cendana pada kapas.
- ✖ Susunan bagi kapan perempuan, susun tali pengikat, letakkan dua kain kapan serta lapik kapas, taburkan serbuk cendana, letakkan kain tudung, baju dan kain sarung.

# CARA MENGKAPANKAN JENAZAH

- ✗ Bentangkan kain kafan.
- ✗ Letak jenazah di atas kain kafan.
- ✗ Letakkan kapas pada anggota sujud dan badan serta taburkan serbuk cendana/kabur barus.
- ✗ Kafan jenazah dengan dimulakan dari sebelah kiri kemudian kanan.
- ✗ Tiap-tiap lapis taburkan serbuk cendana. Lakukan selapis demi selapis.
- ✗ Ikat jenazah dengan tali pengikat dengan lima ikatan di sebelah kiri dengan ikatan simpul hidup.
- ✗ Calitkan minyak wangi atau renjis air mawar pada kain kapan.
- ✗ Siap untuk disembahyangkan.

# MENSOLATKAN JENAZAH

- ✗ Rukun solat Jenazah ada tujuh:
- ✗ Berdiri betul (bagi yang upaya)
- ✗ Niat : أَصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ الْكِفَايَةِ لِلَّهِ تَعَالَى
- ✗ Takbir sebanyak 4 kali termasuk takbiratul ikhram
- ✗ Membaca al-Fatihah selepas takbir pertama.
- ✗ Selawat ke atas Nabi selepas takbir kedua iaitu :  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
- ✗ Takbir yang ketiga dan membaca Doa bagi mayat :  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ
- ✗ Memberi salam yang pertama selepas takbir ke empat.

# PERKARA SUNAT DI DALAM SOLAT JENAZAH

---

- ✘ Sunat mengangkat tangan ketika takbir.
- ✘ Meletakkan tangan di atas pusat.
- ✘ Membaca doa selepas takbir yang keempat.
- ✘ Hendaklah dibuat tiga saf.
- ✘ Imam hendaklah berdiri dekat dengan pinggang mayat sekiranya mayat perempuan
- ✘ Dekat dengan bahu sekiranya lelaki.
- ✘ Berpaling ke kanan selepas salam yang pertama dan Berpaling ke kiri selepas salam yang kedua.

# SYARAT SAH ORANG YANG SOLAT JENAZAH SAMA DENGAN SYARAT SAH SEMBAHYANG YANG LAIN

---

- ✗ Menutup aurat
- ✗ Suci daripada hadas kecil dan besar dan daripada najis
- ✗ Menghadap Kiblat.

## SYARAT SOLAT JENAZAH

- ✗ Jenazah itu muslim
- ✗ Bukan mati syahid
- ✗ Sudah dimandi dan dikapankan
- ✗ Jenazah tidak diletakkan terlalu jauh.
- ✗ Jenazah berada di hadapan orang yang menyembahyangkan.

# CARA MEMBAWA JENAZAH KE KUBUR

- ✗ Sunat orang lelaki mengusung jenazah ke kubur sekalipun jenazah itu perempuan.
- ✗ Jenazah kanak-kanak boleh dibawa ke kubur dengan dikendong oleh seorang lelaki.
- ✗ Makruh bagi orang perempuan mengusung jenazah jika ada orang lelaki untuk mengusungnya.
- ✗ Hendaklah jenazah dibawa ke kubur dengan keadaan mulia seperti diusung di dalam keranda atau dibawa di dalam kereta jenazah.
- ✗ Haram membawanya dalam keadaan yang hina seperti terdedah di dalam bakul, karung atau sebagainya.
- ✗ Sunat jenazah itu dibawa dengan didahulukan kepalanya.
- ✗ Haram sama sekali jenazah orang Islam diiringi dengan muzik.

# CARA MENGEBUMIKAN JENAZAH

- ✗ Kubur itu tidak terlalu luas atau terlalu sempit
- ✗ Anggaran dalam setinggi orang berdiri lebihkan 0.5 meter.
- ✗ Liang lahat lebih baik .
- ✗ Tutup papan lebih baik.
- ✗ Wajib dihadapkan muka mayat ke arah kiblat.
- ✗ Sunat tulang rusuk kanan di bawah, sunat kepala di bantalkan dengan tanah.
- ✗ Sendalkan belakang mayat supaya tidak terbalik atau terlentang.
- ✗ Semasa memasukkan jenazah ke dalam alam kubur, hendaklah cermat dan berlemah lembut dengan membaca:

بِسْمِ اللَّهِ وَ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ

- ✗ Jika jenazah perempuan, ketika memasukkan ke dalam kubur hendak ditutup dengan kain.

- ✗ Masukkan mayat dari arah kaki dengan mendahulukan kepalanya.
- ✗ **Sunat dibuka tali pengikat kapan.**
- ✗ Sunat bagi orang yang berada di tepi kubur menaruh tiga kepal tanah ke dalam kubur:
  1. مِنْهَا خَلَقْنَاكُمْ Daripada tanah kami jadikan kamu.
  2. وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ Dan kepadanya kami kembalikan kamu.
  3. وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَى Dari tanah juga kamu akan dikeluarkan sekali lagi.
- ✗ **Sunat di tinggikan sejengkal dan diratakan, kemudian di pacakkan batu nisan di bahagian kepala dan kakinya.**
- ✗ Haram membina binaan diatas kubur dengan diukir, atau belanja besar di atas tanah perkuburan awam,
- ✗ **Sunat membaca talqin**

# ADAB MENZIARAH KUBUR

- ✗ Hukum menziarahi kubur itu sunat bagi lelaki dan makruh bagi orang perempuan.
- ✗ Sunat memberi salam dan membaca doa.
- ✗ Berjalan dengan khusyuk dan berpakaian menutup aurat.
- ✗ Jangan duduk/ memijak di atas kubur.
- ✗ Makruh membaca sesuatu yang bertulis di batu nisan menyebabkan lupa ingatan.
- ✗ Makruh makan,minum dan solat di atas kubur.
- ✗ Jangan berbual kosong sebaiknya berzikir, berdoa dan membaca Al-Quran.

# MENGURUS ANAK KEGUGURAN

- ✘ Keguguran mengikut Imam Syafie, **bayi cukup bulan ialah berumur dalam kandungan 6 bulan 2 lahzah**. Manakala bayi yang tidak cukup bulan ialah berumur 6 bulan 2 lahzah ke bawah.
- ✘ **Keguguran bayi cukup bulan**, wajib disempurnakan empat perkara sepertimana jenazah orang dewasa iaitu mandi, kafan, sembahyang dan kebumikan.
- ✘ **Keguguran bayi yang tidak cukup bulan** : Jika keguguran itu ada tanda-tanda hidup seperti bersuara atau bergerak wajib disempurnakan sepertimana jenazah orang-orang dewasa (mandi, kafan, sembahyang dan di kebumikan).
- ✘ **Jika keguguran itu tidak ada tanda-tanda hidup** wajib disempurnakan **tiga perkara** sahaja iaitu mandi kafan dan kebumikan dengan **tidak perlu disembahyangkan**.
- ✘ Jika keguguran itu **seketol darah dan belum bersifat manusia**, sunat dibungkuskan dengan kain lalu ditanamkan sahaja.

- ✘ Mayat kanak-kanak yang lahir, **mati sebelum dipotong urinya**. Sebelum dimandikan hendaklah dipotong urinya terlebih dahulu, kerana uri itu bukan anggota kanak-kanak tersebut dan bukan dari anggota ibunya.
- ✘ **Uri itu najis**, jika tidak dipotong, tidak sah sembahyang keatas kanak-kanak tersebut. **Potong uri tidak dinamakan menyiksa mayat**. Haram dimandikan, disembahyangkan dan ditanam uri bersama kanak-kanak tersebut. Uri perlu dibungkus dan ditanam begitu sahaja.
- ✘ Mengkebumikan mayat wanita mengandung. Diakui oleh doktor perubatan atau bidan yang anak dalam kandungan itu telah mati, baru boleh dikebumikan.
- ✘ ***Haram membelah perut ibu untuk mengeluarkan mayat anaknya di dalam kandungan. Sekiranya disahkan oleh doktor perubatan atau bidan, anak dalam kandungan masih hidup hendaklah dibelahkan perut ibunya untuk menyelamatkan anaknya.***

# PERMASALAHAN

- ✘ Anggota yang terpisah dari jasad yang masih hidup tidak wajib dimandikan, dikapankan dan disembahyangkan. Sebagai memuliakan hanya dibasuh, dibungkus dan sebaiknya ditanam di tanah perkuburan.
- ✘ Mayat lelaki atau perempuan dalam keadaan janabah (Berhadas besar) tidak dituntut mandi lagi kerana mandi mayat sudah memadai.
- ✘ Jika di dapati keluar najis atau darah setelah sempurna dimandikan memadai dibersihkan sahaja darah atau najis tersebut. Jika berlarutan keluarnya diikat dan dibalut dengan kapas atau kain.
- ✘ Jika rambut, kulit atau lainnya yang tanggal dari anggota badannya, wajib diambil dan dibasuh kemudian kapankan bersama-sama jasadnya.

- ✘ Haram menyetubuhi jenazah
- ✘ Jika didapati mayat di dalam sungai atau lombong yang sudah berubah atau reput, maka boleh kita selamkan semula mayat itu dalam 1 atau 2 minit dengan niat memandikan mayat (kira-kira meratakan air di seluruh anggotanya, nescaya sahlah mandinya jika tidak ada najis di badannya).
- ✘ Tidak batal wudhuk jenazah yang disentuh oleh bukan mahramnya yang batal ialah wudhuk orang yang menyentuhnya.
- ✘ Mana-mana anggota mayat yang tidak dapat disampaikan dengan air hendaklah digantikan dengan tayammum.
- ✘ **Dilarang** mengkebumikan jenazah pada waktu :
  - ✘ Waktu tengah malam                      Matahari tengah terbit
  - ✘ Matahari di tengah-tengah langit      Matahari hampir terbenam

# SEKIAN TERIMA KASIH

---

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ

“MAHA SUCI ENGKAU YA ALLAH AKU MEMUJI KEPADA MU.  
AKU BERSAKSI, BAHAWA TIADA TUHAN SELAIN ENGKAU.  
AKU MINTA AMPUN DAN BERTAUBAT KEPADA MU”

والسلام

# SET KAFAN



SINTOK



Kapur Barus  
150 gram

KAPUR BARUS

